

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL [ TENOM ]**

**TARIKH : 10 DISEMBER 2020 [ KHAMIS ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status rancangan pembinaan Balai Bomba di daerah kecil Kemabong untuk membantu menjamin keselamatan penduduk di kawasan ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah mengkaji keperluan pembinaan balai bomba di daerah Kemabong berdasarkan markah risiko kebakaran daripada kajian *Fire Cover* dan telah membuat permohonan tapak tanah di kawasan tersebut kepada Pejabat Tanah dan Ukur Negeri Sabah yang berkeluasan 2 ekar. Kementerian melalui JBPM telah merancang untuk membina sebuah balai bomba untuk kawasan Kemabong yang akan dimasukkan dalam perancangan RMKe-12 mengikut keutamaan.

2. Pada masa ini, kawasan Kemabong mendapat perlindungan kebakaran daripada Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Tenom, Sabah dengan jarak 32 kilometer yang mengambil masa lebih kurang 36 minit untuk sampai ke kawasan Kemabong.

3. Selain itu, terdapat juga Pasukan Bomba Sukarela (PBS) Mamaitom yang bertindak sebagai *First Responder* dengan jarak 6 kilometer daripada kawasan Kemabong. Keanggotaan PBS ini adalah seramai 20 orang ahli yang dilengkapi dengan sebuah kenderaan Isuzu serta peralatan kebombaan yang disediakan oleh Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, JBPM Negeri Sabah seperti baju api, kasut api, helmet dan pam angkut yang disediakan oleh Balai Bomba dan Penyelamat Tenom.

Sekian, terima kasih.